



KUASA PEMBUBARAN PERKAHWINAN OLEH KADI (HAKIM SYARIE)
MENURUT HUKUM SYARAK DAN AKTA UNDANG-UNDANG
KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984.

OLEH

ROSIDI BIN HARUN

KERTAS PROJEK INI ADALAH SATU LATIHAN ILMIAH UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN DIPLOMA UNDANG-UNDANG
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM
PADA SESI 1991/92.

KULLIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA (UIA)
PETALING JAYA
SELANGOR
APRIL 1992.

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian dipanjangkan kepada Allah Subhanahu wa ta'ala Tuhan sekelian alam. Syukur kehadratNya yang telah melimpahkan kepada hambaNya kemampuan fizikal dan mental untuk menyiapkan penulisan ini. Selawat dan salam keatas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W serta para sahabat dan auliya'.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mempersembahkan penghargaan yang setinggi-tingginya dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia kertas projek ini, al-Fadhil al-Ustaz Hj. Abdul Wahab bin Hamid yang telah bersusah payah meluangkan masa, memberi tunjuk ajar dan bimbingan dari awal penyediaan tajuk hingga latihan ilmiah ini disiapkan. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah di Kulliyah Undang-undang, terutama kepada mereka yang terlibat secara langsung memberikan bimbingan dan ilmu selama saya di sini. Segala yang saya pelajari di sini, InsyaAllah akan cuba diperkembangkan sekiranya diberi peluang.

Jutaan terima kasih juga kepada pihak-pihak Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan samada terlibat secara langsung atau tidak kerana telah memberikan kerjasama yang baik dan menyediakan bahan-bahan bagi menyiapkan latihan ilmiah ini.


Khas buat ayah(HJ. Harun b. Muhammad) dan bonda (Hajjah Gayah)

yang tercinta serta Kak Zie, abang Mie dan adik-adik Mohd Yusuf, Nora, Na, Mohd Faeiz, Mohd Nizam, Abdul Hakim, Abdul Hafiz, Ahmad Zulhilmi (ZUL) dan tak dilupakan juga anak saudara "tunggal" setakat ini yang cum melecun Nur Fatirah (Along), sekalung doa buat kalian di atas segala pengorbanan dan dorongan yang telah kalian berikan. Sesungguhnya kejayaan ini adalah kejayaan kita bersama.

Buat teman-teman yang senantiasa menjadi sumber inspirasiku, Pg (Room-mate), Dicky, Awie, Shidee, Syuaibon dan lain-lainya, terima kasih di atas segala bantuan dan sokongan. Istimewa buat DJ 8296 (Pa's Car) yang telah bersusah payah membantu dikala hujan dan panas, malam dan siang. Terima kasih semua. Allah saja yang membalas jasa kalian.

Wassalamu' alaikum.

IKHLAS TAPI JAUH,



Rosdi Bin Harun,

Jalan Ang Seng 4,

50470, Brickfields,

Kuala Lumpur.

No. telefon : 03-2744254.

217-E, Kg. Banggol Tok Jiring,

21060, Kuala Terengganu,

Terengganu Darul Iman.

No. telefon : 09- 662217.

. 28hb. Mac 1992

23hb. Ramadhan 1412

ABSTRAK

Penulisan ini merupakan satu kajian perbandingan secara theoretical mengenai pembubaran perkahwinan oleh kadi (Hakim Syarie) di dalam hukum syarak (Undang-undang Islam) dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

Kajian ini meliputi empat bab. Bab yang pertama sebagai pendahuluan menerangkan maksud pembubaran perkahwinan, perkara-perkara yang berkait dengan pembubaran perkahwinan serta pembahagian-pembahagiannya menurut mazhab yang empat dan juga Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

Dalam bab kedua penulis membincangkan mengenai kadi (Hakim Syarie), bidangkuasanya dan juga bidangkuasa dalam pembubaran melalui mahkamah serta kuasa kadi (Hakim Syarie) mengenai perkara-perkara yang timbul selepas pembubaran. Perbincangan dilihat dari sudut hukum syarak dan juga Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

Dalam bab ketiga , penulis membincangkan mengenai kuasa kadi (Hakim Syarie) dalam pembubaran perkahwinan secara menyeluruh menurut hukum syarak dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

Akhir sekali, dalam bab keempat penulis telah mengemukakan beberapa saranan dan bab ini juga merupakan penutup bagi keseluruhan kajian.

DAFTAR ISI

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	iii
DAFTAR ISI	iv
SENARAI PERKATAAN RINGKAS	vii
SENARAI TRANSLITERASI	viii
PENDAHULUAN	ix
Tujuan Kajian	x
Methodologi Dan Latar Belakang Kajian	xi
Bidang Kajian	xii
Masalah Kajian	xiii
Kelebihan Kajian	xiii

BAB PERTAMA : PEMBUBARAN PERKAHWINAN

1.1 Pengenalan	(1)
1.2 Sebab-sebab Perceraian	2
1.3 Dalil-dalil Persyariatan Perceraian	4
1.4 Pembubaran Perkahwinan	5
 1.4.1 Jenis-jenis Pembubaran	7
a) Fasakh	7
b) Cerai Ta ^c lik	13
c) Talak	16
d) Tebus Talak (Khulu ^c)	21
e) Zihar	29

f) Ila'	35
g) Li ^c an	41

BAB KEDUA : KADI (HAKIM SYARIE) DAN BIDANG KUASANYA.

2.1 Pengenalan	47
2.2 Definisi Kadi (Hakim Syarie)	49
2.3 Perlantikan Kadi (Hakim Syarie)	51
2.4 Syarat-syarat Menjadi Kadi (Hakim Syarie)	56
2.5 Bidang Kuasa Kadi (Hakim Syarie)	68

BAB KETIGA : KUASA KADI (HAKIM SYARIE) DALAM PEMBUBARAN PERKAHWINAN

3.1 Pengenalan	78
3.2 Kuasa Kadi (Hakim Syarie) Dalam Pembubaran Perkahwinan.		
i - Fasakh	80
ii - Perceraian Kerana Tidak Memberi Nafkah	84
iii - Suami Hilang Atau Ghaib	89
iv - Pembubaran Perkahwinan Kerana Darar Atau Shiqaq	93
v - Li ^c an	96
vi - Ila'	101
vii - Khulu ^c (Tebus Talak)	102
viii - Berlainan Agama	105
ix - Ta'lik Talak	109
x - Zihar	113
xi - Anggapan Mati	115
xii - Tidak Sekufu	117

3.3 Kesan Pembubaran Perkahwinan

i - Nafkah Iddah	119
ii - Mahar Dan Mutu ^c ah	123
iii - Harta Sepencarian	127
iv - Hadanah	132

BAB KEMPAT : SARANAN DAN PENUTUP

4.1 SARANAN-SARANAN.

i - Perlembagaan Persekutuan	139
ii - Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Yang Dilaksanakan Di Wilayah Persekutuan	141
iii - Perubahan Sistem Urusan Dan Pentadbiran Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan	142

4.2 PENUTUP	144
-------------------	-----

BIBLIOGRAFI

SENARAI PERKATAAN RINGKAS

- Ibid. - di tempat yang sama
- t.t - tiada tarikh
- t.tp - tiada tempat
- bil. - bilangan
- t.pt - tiada penerbitan
- hal. - halaman
- jil. - jilid
- juz. - juzuk
- bhg. - bahagian
- s. - seksyen
- H. - Hijrah (tahun)

SENARAI TRANSLITERASI

Bagi perkataan Arab yang digunakan di sini adalah mengikut transliterasi berikut :

a	=	ا	t	=	ط
b	=	ب	z	=	ظ
t	=	ت	ء	=	ع
th	=	ث	gh	=	غ
j	=	ج	f	=	ف
h	=	ح	q	=	ق
kh	=	خ	k	=	ك
d	=	د	l	=	ل
z	=	ذ	m	=	م
r	=	ر	n	=	ن
ẓ	=	ز	w	=	و
s	=	س	ḥ	=	ه
sy	=	ش	.	=	ء
ṣ	=	ص	y	=	ي
dh	=	ض	ṭ	=	ؤ

PENDAHULUAN

Kehidupan berkeluarga merupakan satu perkara yang lumrah yang diciptakan oleh Allah s.w.t bagi semua makhluk di dunia khususnya manusia. Untuk mengatur pusingan hidup manusia supaya teratur, maka perlulah diadakan suatu undang-undang dan peraturan yang sistematis. Tanpa undang-undang dan peraturan ini keturunan manusia tidak akan terpelihara dengan sempurna. Untuk tujuan itu, Islam telah menggariskan satu dasar mengenai kehidupan manusia secara berkeluarga seperti mana yang dikehendaki oleh Islam. Dasar-dasar ini meliputi seluruh kehidupan berkeluarga bermula dari asas pembinaan sebuah keluarga (rumah tangga), hak-hak dan tanggungjawab yang diperlihara dalam perkahwinan hingga ke perombakan ikatan perkahwinan. Semua ini bertujuan untuk memelihara kesejahteraan dan kemulian manusia.

Sesebuah rumah tangga dibina dengan tujuan untuk mengeratkan lagi hubungan diantara manusia dengan manusia samada diantara suami isteri itu sendiri ataupun di kalangan keluarga kedua-duanya agar terwujudlah sebuah masyarakat yang harmoni dan berkasih sayang. Perkahwinan sepatutnya menerbitkan rasa cinta mencintai serta saling perlu memerlukan diantara satu sama lain dengan konsep memberi dan menerima. Apabila sikap ini dipelihara, maka ia akan dapat mengukuhkan simpulan yang termeteri diantara suami isteri. Memanglah manusia sebagai insan yang lemah tidak dapat memelihara sesuatu itu dari retak dan hancur. Demikian juga sebuah ikatan perkahwinan.

Pasti akan berlaku dalam kehidupan bersuami isteri hal-hal yang boleh membawa kepada kehancuran hubungan ini. Apabila keadaan ini berlaku, suami isteri boleh mengambil jalan perceraian sebagai langkah terakhir apabila dirasakan kesejahteraan rumah tangga itu tidak dapat diselamatkan lagi. Langkah pembubaran perkahwinan ini hendaklah dilakukan sebaik-baiknya sebagaimana maksud firman Allah s.w.t : " Hendaklah melepaskannya dengan baik ", Namun demikian, langkah bercerai bukanlah satu perkara yang digalakkan walaupun hukumnya harus, bahkan Islam amat membencinya sebagaimana sabda Rasullullah s.a.w yang maksudnya : " Perkara halal yang paling dibenci oleh Allah ialah talak "(perceraian), banyak cara-cara perceraian yang boleh dilakukan mengikut rukun serta syarat-syaratnya masing-masing seperti talak, tebus talak, fasakh dan lain-lainnya.

Dalam proses ini, institusi kehakiman dikehendaki memainkan peranannya dalam perkara-perkara yang telah ditentukan kepadanya bagi mengelakkan perbalahan dan persengketaan didalam rumah tangga berlaku hingga ke tahap yang boleh membawa kepada kemudharatan dan kemerbahayaan. Institusi kehakiman juga berfungsi menentukan segala hak dan tanggung-jawab terlaksana dengan baik samada sebelum perceraian atau selepasnya.

Tujuan Kajian

Latihan ilmiah ini ditulis bagi memenuhi syarat untuk mendapatkan Diploma Undang-undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam. Penulis memilih tajuk ini sebagai sample kajian bertujuan mendapatkan kepastian tentang kriteria-kriteria dan prosedur-prosedur tertentu

di dalam method pembubaran perkahwinan di dalam kedua-dua undang-undang iaitu hukum syarak dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

Sehubungan dengan itu, beberapa gagasan pola pertembungan antara perundangan Islam (Hukum Syarak) dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dapat dibuat mengenai aspek pembubaran perkahwinan ini. Diharapkan pertembungan ini menghasilkan idea-idea yang kritikal untuk dianalisa konsepsi sebenar dalam menentukan yang manakah lebih ideal, praktikal dan saksama.

Methodologi Dan Latarbelakang Kajian.

Sepanjang penelitian penulis dalam proses untuk menyiapkan kajian ilmiah ini di perpustakaan baiak di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Fakulti Undang-undang Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa sendiri, penulis belum lagi bertemu dengan satu kajian terdahulu yang menyamai dengan kajian yang penulis jalankan.

Walaupun begitu terdapat juga bahan-bahan yang berkaitan atau yang menyamai sebahagiannya yang boleh penulis jadikan sebagai bahan referensi.

Kajian yang penulis jalankan ini lebih banyak berdasarkan

kepada buku-buku teks undang-undang ('Fiqh Munakahat') khususnya yang bersangkutan dengan pembubaran perkahwinan yang dikarang oleh pen-garang-pengarang yang terkenal seperti Muhammad Mahyuddin b. Abd. Hamid, Umar Abdullah, Muhammad Abu Zahrah, Badran Abu al-Ainain, Abu Hamid Muhammad b. Muhammad al-Ghazali dan lain-lain lagi.

Penulis juga tidak ketinggalan menggunakan bahan-bahan teks undang-undang dari cendiakawan perundangan moden masa kini seperti Ahmad Fathi Bahnasi, Wahbah al-Zuhaili, Muhammad Salam al-Madkur dan lain-lain lagi. Di samping itu penulis juga merujuk kepada ke-putusan-keputusan kes di mahkamah syariah untuk mendapatkan tafsiran yang jelas mengenai peruntukan akta.

Bidang Kajian.

Penulisan ini dilakukan dengan memberikan satu fokus yang terperinci terhadap perspektif pembubaran perkahwinan secara kom-paratif di dalam hukum syarak ('Fiqh Munakahat') dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

Masalah Kajian.

Di dalam proses menyiapkan penulisan ini, berbagai masalah terpaksa dihadapi oleh penulis. Ini adalah kerana persoalan mengenai perspektif pembubaran perkahwinan memang merupakan sesuatu yang merumitkan dan amat luas skop perbincangannya sehingakan agak sukar untuk mengelaskan skop perbincangannya.

Oleh kerana sebahagian besar rujukan utama di dalam penulisan ini adalah dalam bahasa asing (Bahasa Arab dan Inggeris), maka masalah utama ialah kelemahan penulis dalam memahami teks-teks rujukan. Penulis juga menghadapi masalah iaitu kurangnya kerjasama dari pihak Mahkamah Syariah untuk mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan penulisan ini.

Namun demikian, alhamdulillah penulis bersyukur kehadrat Allah s.w.t kerana berkat bimbingan yang diberikan oleh pihak penyelia dan sahabat-sahabat, penulis dapat juga menyiapkan penulisan ini.

Kelemahan Kajian.

Penulis dengan segala kerendahan hati mengakui bahawa penulisan ini mungkin tidak begitu menepati objektif yang dikehendaki dari segi pengolahan, fakta dan sebagainya. Justeru itu, sebarang kritikan yang membina dari pihak-pihak yang berkenaan amat-amat dialu-alukan.



BAB PERTAMA

PEMBUBARAN PERKAHWINAN

1.1 Pengenalan

Islam adalah suatu jalan hidup yang lengkap meliputi segala aspek kehidupan seluruhnya. Ini terbukti apabila ia telah mengatur jalan-jalan untuk kebaikan manusia samada untuk kepentingan individu atau pun masyarakat. Bertitik tolak dari sini, maka Islam telah mensyariatkan sistem perkahwinan untuk mengatur kehidupan insan sebagai satu jalan untuk mengisi keperluan hidup. Melalui perkahwinan, manusia dapat menyelamatkan diri dari kehidupan yang tidak teratur dan tersusun. Dalam hubungan ini, manusia diarahkan supaya hidup dalam garis panduan yang telah dijelaskan oleh Islam iaitu dengan menjaga tatasusila di antara suami isteri, saling memberi dan menerima serta menunaikan hak dan tanggungjawab yang telah ditentukan di antara suami isteri. Mereka diarahkan supaya menjaga hubungan di antara satu sama lain sebagaimana firman Allah:

فَالْمُلْكُ قَنْتَ حَفَظَ اللَّهُ بِحَفْظِ الْمُلْكِ

Maksudnya : Perempuan-perempuan yang solihah itu ialah perempuan - perempuan yang taat yang memelihara (perkara-perkara) yang tersebunyi dengan cara yang dipelihara Allah.

Dalam pergaulan ini, kadangkala berlakunya perselisihan faham di antara suami isteri. Oleh kerana itu, mereka dikehendaki supaya bersabar dan sedaya upaya menyelesaikan masalah yang wujud serta mengelakkan perceraihan. Suami harus bersabar jika terdapat perlakuan-perlakuan isteri yang tidak disenanginya,begitu juga sebaliknya. Rasullullah telah bersabda yang berbunyi:

لَا يُفْرِقُ (أي لا يبغض) مُؤْمِنٌ مَوْمَنٌ إِن سَخْطَهُ مِنْهَا خَلْقًا
(*صني منها نين) 2

Maksudnya : "Seorang mukmin (s uami) tidak boleh membenci seorang mukminah (isteri), jika dia tidak menyukai sesuatu padanya, mungkin dia suka yang lain.

Namun begitu, sekiranya kedua-dua suami isteri sudah buntu dan tidak menemui jalan yang terbaik untuk memperbaiki perhubungan di dalam perkahwinan mereka, maka Islam telah memberikan satu jalan penyelesaian iaitu bercerai dengan cara yang baik seperti firman Allah:³

فِإِمْسَاكٍ بِعِرْوَفٍ أَوْ سَرِيجٍ بِإِحْسَانٍ.

iaitu samada kembali sebagai suami isteri atau berpisah dengan jalan yang baik. Namun begitu, bukanlah Islam menggalakkan cerai kerana cerai-adalah satu perkara yang dibenci oleh Allah sebagaiimana sabda Rasulullah s.a.w:

(أَبْغَفِي الْجَلْلَ إِلَى اللَّهِ الْعَالِقُ)⁴, maksudnya: "Perkara halal yang paling dibenci oleh Allah ialah talak."

1.2 Sebab-sebab Perceraian

Islam menganjurkan perkahwinan supaya manusia dapat hidup dengan sempurna dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Suami isteri diseru supaya hidup dalam keadaan yang harmoni dan damai berpandukan

kepada hukum-hukum Allah dan tidak mengikutkan perasaan.

Dalam kehidupan berkeluarga, mungkin akan berlaku isteri yang berlaku curang atau nusyuz, atau pun suami yang tidak bertanggung jawab. Kegagalan mereka untuk memperbaiki sikap antara-satu sama lain pasti akan menimbulkan perbalahan dan persengketaan yang berpanjangan. Dalam keadaan ini syarak telah mengharuskan untuk kedua mereka bercerai untuk mengelakkan akibat yang lebih buruk timbul dari kedua belah pihak.

Perceraian merupakan satu jalan penyelesaian terhadap masalah-masalah yang tidak dapat diselesaikan. Misalnya seorang suami mendapati isterinya mandul, maka suami mungkin akan mengabaikan hak-hak dan tanggungjawab terhadap isterinya, kalau pun tidak menyiksanya. Maka perceraian adalah jalan terbaik supaya dapat mengelakkan suami dari menyiksa isteri.

Perceraian boleh mengelakkan dari berlaku gejala kurang sihat seperti main kayu tiga dan perzinaan lantaran kehidupan yang porak peranda di antara suami isteri dimana masing-masing mencari jalan sendiri untuk memenuhi kehendak naluri mereka. Dengan adanya perceraian, suami isteri boleh membina semula kehidupan mereka dengan memilih pasangan yang lebih sesuai.

Sebagai kesimpulannya, talak bukanlah satu perkara yang disenangi dan bukanlah suatu perkara biasa yang boleh dilakukan bila-bila masa yang disukai, tetapi ianya adalah satu jalan untuk

menyelesaikan masalah yang timbul daripada suami isteri. Semoga dengan bercerai, suami isteri akan insaf dan akan memperbaiki hubungan mereka yang tegang dengan menilai kehidupan semasa bersama-sama dengan kehidupan semasa bersendirian.

1.3 Dalil-dalil Persyariatan Perceraian

Banyak ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith yang menerangkan persoalan mengenai talak. Kebanyakan ayat-ayat ini menerangkan mengikut persoalan-persoalan tertentu dalam masalah talak. Dalam masalah bilangan talak Allah telah berfirman:

الطلاق متان فما مال معروف أو تستحق بالحسان .5

Maksudnya : "Cerai itu dua kali (selepas itu sama ada) peganglah isteri kamu dengan cara yang baik atau dilepaskan dengan cara yang baik .

Mengenai waktu talak, Allah telah berfirman :

أيها النبي إذ أطلقتم النساء فطلقوهن في عهدهن .6

Maksudnya : "Wahai Nabi (katakanlah) : Apabila kamu menceraikan isteri, ceraikanlah mereka pada masa sucinya .

Sesungguhnya banyak ayat-ayat al-Quran yang membicarakan tentang talak, demikian juga dengan hadith-hadith berkaitan persoalan ini.

Antaranya hadith yang dirawayatkan oleh Saidina Umar al-Khattab :

طلق رسول الله صلى الله عليه وسلم حفصة ثم راجعها .7

Maksudnya : "Rasullullah s.a.w telah menceraikan Hafsa kemudian baginda merujuknya.

Satu riwayat daripada Abu Daud dan Ibn Majah daripada Ibn Umar,

Rasullullah telah bersabda :

أَبْغَضَ الْحَالَاتِ إِلَيْهِ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ الظَّاهِرَةِ .⁸

Maksudnya : " Perkara halal yang amat dibenci oleh Allah Azzawajalla ialah perceraian.

1.4 Pembubaran Perkahwinan

Istilah pembubaran perkahwinan dalam Islam dikenali dengan perkataan " فرق " , yang dari segi bahasanya bermakna mengasingkan , iaitu lawan bagi perkataan mengumpul . Dalam kontek ini iaanya bermaksud " كل ما ينحل بـ رباط الزوجية " iaitu segala perkara yang mengurai ikatan perkahwinan.⁹

Pembubaran perkahwinan dapat dibahagikan kepada dua kategori , iaitu :¹⁰

- i. Pembubaran sementara
- ii. Pembubaran untuk selama-lamanya.

Pertama : Pembubaran sementara ialah pembubaran yang terjadi dengan sebab timbulnya sebab-sebab pengharaman yang bersifat sementara seperti disebabkan seorang daripada suami isteri keluar dari ugama Islam atau murtad , atau pun sisebabkan oleh salah seorang daripada mereka memeluk Islam sedangkan seorang lagi masih kafir. Maka apabila pihak yang murtad itu telah kembali Islam atau pun salah seorang dari suami isteri yang kafir itu memeluk ugama Islam , mereka dibolehkan berkahwin semula dengan mengadakan suatu

akad baru. Contoh lain ialah seperti suami menceraiakan isterinya dengan talak raj'i iaitu talak satu dan dua.

Kedua : Pembubaran untuk selama-lamanya, iaitu pembubaran yang tidak membolehkan kedua suami isteri itu berkahwin semula untuk selama-lamanya disebabkan timbulnya sebab-sebab yang membawa kepada pengharaman buat selama-lamanya, seperti pembubaran yang dilakukan kerana didapati kedua-dua suami isteri itu ada pertalian keluarga yang mengharamkan kedua-duanya berkahwin.

Secara amnya, kedudukan pembubaran perkahwinan dalam undang-undang keluarga Islam adalah berlainan diantara satu negeri dengan negeri yang lain di Malaysia. Ini adalah kerana terdapat peruntukan yang hanya terpakai di negeri itu sahaja dan tidak di negeri-negeri yang lain. Namun demikian, peruntukan-peruntukan di antara negeri itu masih tidak menyimpang jauh kerana hukum-hukum di dalam enakmen-enakmenini adalah mengikut hukum syarak dan dalam beberapa hal yang tidak terdapat peruntukannya hendaklah dirujukkan kepada hukum syarak. Keadaan ini akan diterangkan di dalam perbincangan seterusnya di dalam bab-bab berikutnya: Didalam perbincangan seterusnya juga, pembaca-pembaca akan dapat menilai undang-undang manakah yang lebih ideal dan lebih unggul untuk membawa kesejahteraan kepada masyarakat.

Dalam bahagian ini nanti kita akan dapat melihat apakah undang-undang keluarga Islam di Malaysia benar-benar mengikut hukum syarak dan sejauh manakah ianya dilaksanakan. Penulis telah memilih Akta undang-undang keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 sebagai

model untuk melihat sejauh manakah ianya bersamaan dan bertentongan dengan hukum syarak.

1.4.1 Jenis-jenis Pembubaran

a) Fasakh

Fasakh dari segi bahasa bermaksud "الإزاله" , iaitu pembatalan dan "الرفع" iaitu pengangkatan. Misalnya dikatakan : "رفع فلان فهو" bermaksud : si pulan itu membatalkan pekerjaannya.¹¹ Dari segi syarak, perkataan fasakh bermaksud :

نقض عقد الراج بسبب حل وقع فيه وقت عقده أو بسبب
حل طرأ عليه منع من صحة بقائه واستمراره

Maksudnya : Pembatalan akad perkahwinan disebabkan oleh kecacatan yang berlaku pada ketika akad atau disebabkan kecacatan yang mendarat yang menghalang dari berkekalan perkahwinan.¹²

Menurut Badran, fasakh ialah setiap pembubaran yang datangnya dari pihak isteri tidak dengan sebab suami, atau pembubaran itu datangnya dari suami, tetapi isteri mempunyai hak mendapat berpi tanpa diberi oleh suami.¹³ Manakala Fyzee memberi takrif fasakh sebagai setiap pembubaran yang disebabkan oleh permintaan isteri untuk membatalkan perkahwinan melalui hakim atau kadi.¹⁴ Jelas di sini menunjukkan bahawa Badran dan Fyzee lebih menonjolkan hak isteri dalam fasakh terutama dalam khar fasakh kerana kecacatan pada suami.

Daripada takrifan-takrifan ini, dapatlah disimpulkan bahawa fasakh ialah memutuskan akad dan menghalang perkara-perkara yang

dihalalkan semasa perkahwinan dan menghalang rujuk semula. Dengan demikian takrifan yang mengkhususkan fasakh adalah dari pihak isteri semata-mata adalah tidak begitu konkret jika ditinjau dari sudut sebab-sebab yang membolehkan fasakh.

Jenis-jenis Fasakh

Fasakh boleh dibahagikan kepada dua jenis :¹⁵

1. Fasakh yang membatalkan akad sejak akad itu dilakukan menyebabkan seolah-olah akad itu tidak pernah wujud. Contohnya, fasakh kerana didapati suami memiliki pertalian keluarga yang mengharamkan mereka berkahwin, atau orang yang dikahwinkan oleh wali semasa kecilnya. Dalam contoh yang pertama akad itu **terfasakh dari awal** lagi kerana pada asalnya tidak ada akad di antara kedua-dua suami isteri itu. Manakala dalam contoh yang kedua, fasakh yang dilakukan oleh orang yang dikahwinkan oleh wali semasa kecil dimana dia menuntut fasakh apabila baligh menyebabkan akad itu **terfasakh (seolah-olah tidak berlaku)**
2. Fasakh yang tidak membatalkan semasa akad itu dilakukan, iaitu fasakh kerana sesuatu sebab yang mendatang yang menghalang perkahwinan itu dari berterusan seperti fasakh disebabkan penyakit yang wujud pada salah seorang suami isteri seperti gila, sopak, kusta, mati pucuk dan penyakit tertutup lubang kemaluan dengan daging (الرثق) atau tulang (القرن). Fasakh seperti ini membatalkan akad perkahwinan pada masa fasakh itu dilakukan dan bukannya pada masa akad itu dilakukan. Contoh lain, salah seorang daripada suami isteri menganut Islam (asalnya bukan Islam)

Fasakh jenis pertama tidak mewajibkan suami membayar mahar kepada isteri samada ianya dilakukan oleh pihak suami maupun pihak isteri, manakala fasakh yang kedua, jika ianya dilakukan oleh isteri, suami tidak wajib membayar mahar, dan jika ianya dilakukan oleh pihak suami, dia wajib membayar separuh daripada mahar.

Dalil Persyariatan Fasakh

Pada umumnya tidak ada nas atau dalil daripada al-Quran yang mengharuskan fasakh nikah disebabkan oleh kecacatan yang terdapat pada suami isteri. Namun begitu, keharusan fasakh ini dapat dilihat di dalam hadis-hadis Rasullullah s.a.w. Mengenai penyakit sopak ada sebuah hadis yang menyebut :

عَنْ زِيدِ بْنِ كَعْبٍ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَزَوَّجَ امرأةً مِنْ بَنِي غُفَارٍ
فَلَمَّا دَخَلَتْ عَلَيْهِ رَأَى بَلْعَثْمَةَ بْنَيَاضَ فَرَدَهَا إِلَى أَهْلِهِ . 16.

Maksudnya : Rasullullah s.a.w berkahwin dengan seorang perempuan dari Bani Ghifar. Ketika dia masuk kepada nabi lalu Nabi melihat di sebelah rusuknya warna putih (sopak) lalu Nabi menolak (mengembalikannya) kepada keluarganya.

Dari hadis ini menunjukkan harus fasakh kerana penyakit sopak. Tanya menjadi alasan : untuk membolehkan fasakh kerana penyakit-penyakit lain yang memudharatkan. Mengenai fasakh kerana suami tidak mampu memberi nafkah, sebuah hadis ada menyebut yang berbunyi :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الرَّجُلِ
لَا يَجِدُ مَا يَنْفَقُ عَلَى إِمْرَأَتِهِ . فَقَالَ : يُفْقَدُ بَيْنَهُمَا . 17

Maksudnya : Daripada Abu Hurairah bahawa Nabi s.a.w tentang seorang lelaki yang tidak mempunyai apapun untuk dinafkahkan kepada isterinya. Nabi bersabda : ~~Dipisahkan~~ di antara keduanya.